

**ORDINAN KERAJAAN TEMPATAN 1961
(No. 11 tahun 1961)**

**UNDANG-UNDANG KECIL MAJLIS DAERAH PAPAR
(PENGUNAAN PREMIS-PREMIS) 1995**

(P.W.L 10 tahun 1995)

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan kepadanya oleh subseksyen (1) 50 Ordinan Kerajaan Tempatan 1961, Majlis Daerah Papar, dengan kelulusan Menteri, membuat undang-undang kecil berikut:

1. Tajuk ringkas mula berkuatkuasa dan tafsiran.

(1) Undang-undang kecil ini boleh dinamakan sebagai Undang-Undang Kecil (Penggunaan Premis) Majlis Daerah Papar 1995 dan hendaklah mula berkuatkuasa pada 1 Januari 1996.

(2) Di dalam Undang-Undang Kecil ini, melainkan jika konteksnya memerlukan makna yang lain-

“Majlis” ertinya Majlis Daerah Papar;

“mesin slot” ertinya apa-apa mesin mekanikal atau yang beroperasi melalui elektrik yang bila mana dimasukkan syiling, cakera padat, token atau objek yang sama akan menyebabkannya bermain atau beroperasi, permainan itu atau operasinya yang mana boleh dengan lot atau memberi peluang atau membolehkan orang yang bermain atau mengoperasikan mesin itu akan menerima wang tunai, premium, barang dagangan, saguhati atau apa-apa benda bernilai, tanpa mengambil kira sama ada pembayaran itu telah dibuat secara automatik dari mesin atau dengan apa-apa cara lain.

2. Lesen.

(1) Tiada siapa boleh menggunakan mana-mana premis atau tempat di dalam kawasan Majlis untuk tujuan atau tujuan-tujuan bertaruh, menjual loteri awam atau operasi mesin slot yang mana fee telah ditetapkan di dalam Jadual tanpa lesen bagi pihaknya yang dikeluarkan oleh Majlis di bawah Undang-Undang Kecil ini.

(2) Di dalam meluluskan lesen di bawah Undang-Undang Kecil ini, Majlis boleh mengenakan syarat-syarat tertentu berkaitan dengan penggunaan mana-mana premis atau tempat sebagaimana difikirkan perlu untuk mengenkannya dari semasa ke semasa.

3. Permohonan lesen.

(1) Setiap permohonan untuk lesen hendaklah dibuat secara bertulis kepada Majlis dalam borang tertentu sebagaimana yang ditentukan oleh Majlis.

(2) Majlis boleh meminta mana-mana pemohon bagi mendapatkan atau memperbaharui lesen untuk hadir atau dalam kes badan atau firma, boleh meminta wakil badan atau firma itu yang diberi kuasa untuk hadir, pada masa mendapatkan atau pembaharuan.

4. Borang lesen.

Setiap lesen yang dikeluarkan di bawah Undang-Undang Kecil ini hendaklah dalam borang tertentu sebagaimana yang diputuskan oleh Majlis dari semasa ke semasa.

5. Daftar lesen.

Majlis hendaklah mengekalkan daftar lesen yang mengandungi butir-butir tertentu yang tertera dalam setiap lesen

sebagaimana dianggap perlu.

6. Salahlaku lesen.

Sesuatu lesen hendaklah, kecuali terlebih dahulu digantung atau dibatalakan, kekal berkuatkuasa sehingga 31 Disember yang berikutnya selepas tarikh mula berkuatkuasa dan boleh diperbaharui pada atau sebelum tarikh tamat.

7. Pindahhak lesen.

- (1) Semasa jangkalaku mana-mana lesen, Majlis boleh dengan permohonan dari pemegangnya, memberi kuasa tukarhak kepada orang lain.
- (2) Fee tukarhak hendaklah dua puluh peratus dari fee lesen seperti dalam Jadual.

8. Kebersihan.

Setiap pemegang lesen hendaklah menyimpan dan menjaga premis atau tempat yang dilesen dalam keadaan yang bersih setiap masa.

9. Peruntukan tong sampah.

Setiap pemegang lesen hendaklah membekalkan tong sampah atau bekas-bekas yang mencukupi di dalam premis atau tempat yang dilesen bagi keperluan untuk tempat membuang sampah.

10. Pembuangan sampah.

Semua bahan buangan di dalam tong sampah atau bekas yang dibekalkan di dalam premis dan tempat yang dilesen hendaklah dilupuskan dengan cara seperti yang diarahkan oleh Majlis dari semasa ke semasa.

11. Pencahayaan.

Pemegang lesen hendaklah mengambil langkah bagi memastikan pencahayaan yang cukup dibekalkan di dalam premis atau tempat yang dilesen dengan mematuhi kehendak Majlis dan di mana pencahayaan biasa adalah tidak cukup, langkah-langkah hendaklah diambil bagi mengekalkan pencahayaan tiruan.

12. Peredaran udara.

Pemegang lesen hendaklah mengambil langkah-langkah untuk memastikan bahawa peredaran udara di dalam premis atau tempat yang dilesen itu adalah mencukupi bagi mematuhi kehendak Majlis dan hendaklah menyebabkan setiap peredaran udara tersebut diletakkan dalam keadaan yang baik dan keadaan kerja yang efisien.

13. Larangan kesesakan berlebihan.

Pemegang lesen hendaklah mengambil langkah yang cukup untuk memastikan bahawa tidak ada kesesakan yang berlebihan di dalam premis atau tempat yang dilesen.

14. Pencegahan.

Pemegang lesen mestilah memastikan-

- (a) kelengkapan alat pencegah kebakaran ada disediakan yang mematuhi kehendak Majlis;
- (b) kelengkapan kemudahan anak tangga dan pintu keluar disediakan dan dijaga; dan
- (c) bahawa semua anak tangga, lorong, ruang bawah dan pintu keluar dielakkan dari apa-apa halangan dan setiap pintu yang dipasang dan didirikan mestilah disediakan untuk dibuka,

di dalam premis atau tempat yang dilesen.

15. Bahan mudah terbakar.

- (1) Simen atau pelarut yang mudah terbakar di dalam premis atau tempat yang dilesen hendaklah disimpan di dalam tempat simpanan yang teratur di dalam bekas-bekas yang bentuknya diluluskan.
- (2) Bila mana pelarut atau simen yang mempunyai 'flash point' di bawah 23C disimpan dalam kuantiti 45 liter, stor tidak mudah terbakar hendaklah dibina dengan memenuhi kehendak Majlis.

16. Stor.

Semua bahan di dalam premis atau tempat yang dilesen hendaklah disimpan dalam keadaan tertentu dan dengan cara tertentu untuk mengawal pemancaran yang membahayakan atau bau busuk darinya.

17. Pembakaran.

Pemegang lesen hendaklah tidak membakar atau menyebabkan dibakar bahan yang mudah terbakar, sampah atau sarap kecuali dengan cara dan tempat yang diluluskan oleh Majlis.

18. Pembuangan habuk.

Pemegang lesen tidak boleh menyebabkan, membiarkan, membenarkan atau permit habuk, asap tebal, wap air, haba gas, radiasi, bau busuk, bau, gegaran, asap atau jelaga bagi kuantiti tertentu dari premis atau tempat berlesen yang mana dalam pendapat Majlis adalah gangguan atau mencemarkan alam sekitar.

19. Masa beroperasi.

Majlis boleh mengarahkan bahawa tempat atau premis yang dilesen tidak dibenarkan beroperasi kecuali pada masa dan jam yang telah ditentukan atau dikenakan oleh pihak berkuasa dan sipemegang lesen mestilah mematuhi segala arahan tersebut.

20. Keselematan.

- (1) Majlis boleh, sebelum mengeluarkan sesuatu lesen, meminta pemohon menyediakan cagaran, sama ada dengan deposit wang tunai atau dengan memasuki bon dengan atau tanpa cagaran, untuk memastikan bahawa peruntukan-peruntukan Undang-Undang Kecil ini serta syarat-syarat lesen dipatuhi.
- (2) Deposit atau bon itu boleh dalam atau apa-apa jumlah yang tidak melebihi lima ribu ringgit.
- (3) Tanpa menjejaskan undang-undang kecil 22, apa-apa jumlah yang didepostikan atau bon yang dimaksudkan di bawah undang-undang kecil ini boleh dirampas kesemuanya atau sebahagiannya oleh Majlis atas apa-apa pelanggaran di bawah Undang-Undang Kecil ini atau apa-apa pelanggaran syarat-syarat lesen atau pada masa pemansuhan lesen.

21. Kuasa memasuki untuk memeriksa.

Pengerusi atau mana-mana pegawai yang diberikuasa olehnya bagi pihaknya atau mana-mana pegawai polis yang pangkatnya tidak rendah daripada Inspektor boleh-

- (a) memasuki dan memeriksa mana-mana tempat atau premis yang digunakan atau yang mana Majlis atau pegawai itu percaya dengan sewajarnya tempat atau premis itu digunakan bagi tujuan yang mana lesen di bawah Undang-Undang Kecil ini diperlukan;
- (b) meminta daripada pemegang lesen apa-apa maklumat tentang pengurusan perniagaan yang beroperasi di dalam tempat atau premis yang dilesen dan pemegang lesen itu atau pekerjanya hendaklah memberikan apa-apa maklumat yang diminta darinya.

22. Penalti.

Mana-mana orang yang melanggar mana-mana peruntukan-peruntukan Undang-Undang Kecil ini adalah bersalah bagi kesalahan yang boleh, apabila disabitkan, dikenakan denda tidak melebihi lima ribu ringgit dan selanjutnya denda tidak melebihi dua ratus ringgit bagi setiap hari semasa kesalahan itu berterusan dilakukan selepas disabitkan.

23. Mengkompaun.

Majlis boleh mengkompaun mana-mana kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini dengan mengutip daripada orang yang disyaki semunasabahnya sebagai telah melakukan kesalahan tersebut, sejumlah tidak melebihi satu ratus ringgit dan apabila dibayar wang tersebut maka prosiding selanjutnya tidak akan dibuat terhadap orang tersebut mengenai kesalahan yang sama.

JADUAL

(Undang-Undang Kecil 2)

FEE LESEN TAHUNAN

Fee yang kena dibayar dibawah Undang-Undang Kecil ini ialah RM2.00 sekaki persegi setahun atau sebahagian daripadanya.

Bertarikh di Papar pada 26 Oktober 1995.

HJ. DAHALI BIN HJ. HARUN,
Pengerusi,
Majlis Daerah Papar.

Saya meluluskan Undang-Undang Kecil tersebut.

Bertarikh di Kota Kinabalu pada 27 Oktober 1995.

DATUK YONG TECK LEE,
Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan.

December 2007